



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

KPWKM GERAKKAN KEMPEN HENTIKAN KEGANASAN TERHADAP WANITA

25 November, Kuala Lumpur- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menggerakkan kempen **Hentikan Keganasan Terhadap Wanita** sempena sambutan Hari Menangani Keganasan Terhadap Wanita yang disambut pada hari ini. Kempen dilaksanakan dengan mengajak seluruh rakyat Malaysia memakai pakaian berwarna oren pada 25 November bagi mempamerkan solidariti dan keprihatinan semua dalam menghentikan keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak.

Terdahulu, KPWKM dengan kerjasama United Nations Population Fund (UNPFA) telah mengadakan simbolik pelancaran kempen dengan 'menyinari' Menara Kuala Lumpur dengan warna oren pada malam 24 November. KPWKM turut menjayakan sambutan pada hari ini dengan mengadakan Hari Menangani Keganasan Terhadap Wanita di PPR Hiliran Ampang yang dirasmikan oleh YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Pada tahun ini '*UNiTE! Invest to Prevent Violence Against Women and Girl*' telah dipilih sebagai tema Hari Menangani Keganasan Terhadap Wanita peringkat Antarabangsa bagi menyeru semua pihak supaya lebih prihatin dan bersolidariti untuk menamatkan keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak perempuan serta mencegah keganasan berasaskan gender.

Menurut YB Menteri, kes-kes keganasan terhadap wanita masih di tahap membimbangkan. Berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM), kes

keganasan terhadap wanita yang melibatkan keganasan rumah tangga, jenayah rogol dan gangguan seksual bagi seluruh negara telah mencatatkan sebanyak 9,334 kes pada tahun 2021 dan 8,580 kes pada tahun 2022. Bagi tahun ini pula, sehingga Ogos 2023, sebanyak 5,050 kes telah direkodkan. Berdasarkan kepada *Handbook for National Action Plans on Violence Against Women* yang diterbitkan oleh UN Women, kebanyakan keganasan terhadap wanita dilakukan oleh orang yang dikenali dan terdapat juga kes yang tidak dilaporkan kerana masalah dalaman keluarga atau masalah peribadi.

KPWKM komited untuk melindungi wanita khususnya mereka yang menjadi mangsa keganasan dengan pelaksanaan pelbagai perkhidmatan, program dan inisiatif yang berkaitan. Antaranya adalah pengubalan Akta Antigangguan Seksual 2022 (Akta 840) yang telah diwartakan pada 18 Oktober 2022. Turut dilaksanakan program Advokasi Antigangguan Seksual (AAGS) yang bertujuan untuk memberikan kesedaran, dan pendidikan mengenai gangguan seksual agar budaya menormalisasikan gangguan seksual dapat dihapuskan. Sehingga 31 Oktober 2023, sebanyak 65 program AAGS telah dilaksanakan pada tahun 2023 yang melibatkan seramai 25,251 orang peserta. Program Advokasi Antigangguan Seksual ini turut merangkumi Program Jerayawara KASIH KPWKM@Advokasi Antigangguan Seksual yang dilaksanakan di seluruh Malaysia.

KPWKM menyeru semua pihak memainkan peranan dalam usaha membanteras keganasan terhadap wanita. Orang ramai disaran tampil dan melaporkan kes-kes keganasan ini kepada pihak Polis atau menghubungi **Talian Kasih 15999** atau melalui aplikasi whatsapp **019-2615999**.